

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1994/95

April 1995

HSM 211 Sejarah Sosio-Ekonomi Malaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM
DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Adat memainkan peranan yang sangat penting di dalam menentukan sistem penggunaan tanah di kalangan masyarakat tradisional di Malaysia. Bahaskan pernyataan ini dengan merujuk kepada masyarakat Melayu di Semenanjung dan peribumi di Malaysia Timur.
2. Perlaksanaan undang-undang tanah oleh kerajaan British di Malaysia telah memusatkan perkembangan ekonomi penduduk-penduduk tempatan (orang-orang Melayu dan peribumi). Bahaskan.
3. Mengikut Lim Teck Ghee dasar kolonial secara keseluruhan telah memusatkan orang-orang Melayu kepada pertanian padi. Bahaskan.
4. Pengambilan alih kepentingan perlombongan bijih timah oleh pemodal-pemodal Barat dari pemodal-pemodal Cina pada 1920an adalah disebabkan oleh kecanggihan teknologi mereka. Bahaskan.
5. Mengikut P.T. Bauer harga dalam pasaran antarabangsa adalah diakibatkan oleh berbagai tindakan dan urusniaga di kalangan individu-individu dan bukan ditentukan oleh Barat. Bahaskan pernyataan ini dengan merujuk kepada Rancangan-rancangan Antarabangsa getah atau bijih timah pada 1920an dan 1930an.

.../2

6. Perhubungan perdagangan dengan Baratlah yang telah mengubah corak ekonomi penduduk-penduduk di Asia Tenggara. Bahaskan pernyataan ini dengan merujuk kepada keadaan dan aktiviti ekonomi kaum-kaum terpenting (Melayu dan Peribumi, Cina dan India) di Malaysia.
7. Sejauh manakah pembangunan kemudahan asas, khususnya jalanraya dan jalan keretapi, telah dapat mempertingkatkan taraf hidup masyarakat tempatan (orang yang sudah menetap) di zaman pemerintahan British di Malaysia?

-ooooOOOooo-